Mitsuo Nagamura lwn Aero Works (Melaka) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PENGGULUNGAN SYARIKAT PETISYEN NO D4–28–144–1995
ABU SAMAH PK
26 SEPTEMBER 1995

Syarikat dan Korporat *— Penggulungan — Petisyen — Sama ada penentang dikecualikan dari memfailkan notis niat untuk hadir — Sama ada Borang 8 boleh diubahsuai untuk mencerminkan bahawa ia difailkan oleh penentang — Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 k 28*

Ini adalah satu petisyen untuk menggulungkan syarikat penentang. Peguam pempetisyen dan pegawai yang mewakili Pegawai Penerima telah mengesahkan bahawa petisyen tersebut adalah teratur. Peguam penentang hadir pada tarikh petisyen didengar tetapi kehadiran beliau telah dibantah oleh peguam pempetisyen di atas alasan penentang tidak memfailkan notis niat untuk hadir di bawah k 28 Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 ('Kaedah itu').

Diputuskan, membenarkan petisyen itu:

(1) Penentang tidak dikecualikan daripada memfailkan notis niat untuk hadir. Mengikut k 28 Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, 'setiap orang' mesti memfailkan notis niat untuk hadir dan ini termasuk penentang sendiri. Notis itu hendaklah menyatakan sama ada penentang bertujuan menyokong atau menentang petisyen itu (lihat ms 211C–D, 212E–F).

(2) Walaupun Borang 8, Jadual Pertama Kaedah itu, merujuk kepada pemiutang (creditor atau 'contributory') dan tidak menyebut penghutang (debtor) atau penentang, perkataan 'such variations as circumstances may require' dalam kk 3(1) dan 28(2) membenarkan Borang 8 diubahsuai, di mana yang perlu. Untuk menentukan pematuhan kepada k 28, penentang boleh membuat ubahsuaian yang perlu untuk mencerminkan bahawa Borang 8 itu difailkan oleh penentang (lihat ms 211D–E, 212E–F).

[English summary

This was a petition to wind up the respondent company. Counsel for the petitioner and the officer representing the Receiving Officer confirmed that the petition was in order. Counsel for the respondent was present on the date of the hearing of the petition but his presence was objected to by counsel for the petitioner on the ground that the respondent had failed to file a notice of intention to appear under r 28 of the Companies (Winding-up Rules) 1972 ('the Rules').

Held, allowing the petition:

(1) The respondent is not exempted from filing the notice of intention to appear. According to r 28 of the Rules, 'every person' must file a notice of intention to appear and this includes the respondent himself. The notice must state whether the respondent intends to support or oppose the petisyen (see pp 211C–D, 212E–F).

(2) Although Form 8, First Schedule to the Rules refer to creditor or contributory, and does not mention debtor or respondent, the words 'such variations as circumstances may require' in rr 3(1) and 28(2) allows Form 8 to be modified, where applicable. To ensure compliance with r 28, the respondent can make the necessary modifications to show that it was filed by the respondent (see pp 211D–E, 212E–F).]

[*Nota Penyunting*: Responden telah memohon kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Rayuan melalui Permohonan No W08–500–95.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen di bawah penggulungan syarikat, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 518–534.

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 kk 3(1), 28, 32(1), Jadual Pertama Borang 8

Insolvency Rules 1986 r 4.16 [UK]

C Soosay Nathan (*Christie Soosay Nathan & Associates*) bagi pihak pempetisyen.

Sandosh Anandan (*Seah Balan Ravi & Co*) bagi pihak penentang.

Halimah bte Rahman bagi pihak Pegawai Penerima.

Abu Samah PK: Pada 11 Ogos 1995, saya telah membenarkan petisyen pempetisyen untuk menggulungkan syarikat penentang. Peguam pempetisyen dan pegawai yang mewakili Pegawai Penerima telah mengesahkan bahawa petisyen tersebut adalah teratur. Sijil di bawah k 32(1) Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 ('Kaedah itu') juga telah dikeluarkan oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi. Peguam penentang ada hadir pada tarikh petisyen didengar tetapi kehadiran beliau telah dibantah oleh peguam pempetisyen di atas alasan penentang tidak ada memfailkan notis niat untuk hadir di bawah k 28 Kaedah itu, yang berbunyi seperti berikut:

(1) Every person who intends to appear on the hearing of a petition shall serve on the petitioner or his solicitor notice of his intention. The notice shall be signed by the person or by his solicitor and shall give the address of the person signing it and shall be served or if sent by post

A shall be posted in such time as in ordinary course of post to reach the address not later than 12 noon of the day previous to the day appointed for the hearing of the petition.

(2) The notice may be in Form 8 with such variations as circumstances may require.

B (3) A person who has failed to comply with this rule shall not, without special leave of the court, be allowed to appear on the hearing of the petition.

Peguam penentang mengakui penentang tidak ada memfailkan notis niat untuk hadir. Beliau juga tidak ada memberikan alasan mengapa notis niat untuk hadir tidak difailkan. Tidak ada dihujahkan bahawa k 28 tidak C terpakai kepada penentang.

Pada pandangan saya, penentang tidak dikecualikan daripada memfailkan notis niat untuk hadir. Kaedah 28 menyebut, 'Every person'. Ini meliputi penentang. Saya telah meneliti Borang 8, Jadual Pertama, Kaedah itu. Walaupun borang tersebut nampaknya merujuk kepada D pemiutang (creditor atau 'contributory') dan tidak menyebut penghutang (debtor) atau penentang, perkataan 'such variations as circumstances may require' dalam kk 3(1) dan 28(2) membenarkan Borang 8 diubahsuai, di mana perlu. Untuk menentukan pematuhan (compliance) kepada k 28, penentang, apabila memfailkan notis niat untuk hadir, boleh membuat ubahsuaian yang perlu supaya Borang 8 yang difailkan mencerminkan E bahawa ia difailkan oleh penentang.

7 *Halsbury's Laws of England* (4th Ed) perenggan 1024 di ms 612 menerangkan:

> Every person who intends to appear on the hearing of a petition must give F to the petitioner notice of his intention, containing the address of the person intending to appear ... Without the special leave of the court a person who fails to comply with these requirements is not allowed to appear on the hearing of the petition.

Petikan di atas tidak ada menyebut bahawa penentang dikecualikan daripada memfailkan notis niat untuk hadir.

G

Saya telah membuat perbandingan dengan r 4.16, Insolvency Rules 1986 [UK] untuk melihat sama ada penentang di bawah Kaedah itu dikecualikan daripada memfailkan notis niat untuk hadir. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas, r 4.16 adalah seperti berikut:

H (1) Every person who intends to appear on the hearing of the petition, shall give to the petitioner notice of his intention in accordance with this rule.

(2) The notice shall specify:

(a) the name and address of the person giving it, and any telephone number and references which may be required for communication I with him or any other person (to be also specified in the notice) authorised to speak or act on his behalf;

(b) whether his intention is to support or oppose the petition; and

(c) the amount and nature of his debt.

(3) The notice shall be sent to the petitioner at the address shown for him in the court records, or in the advertisement of the petition, required by r 4.11; or it may be sent to his solicitor.

(4) The notice shall be sent so as to reach the addressee not later than 16 hours on the business day before that which is appointed for the hearing or, where the hearing has been adjourned, for the adjourned hearing.

(5) A person failing to comply with this rule may appear on the hearing of the petition only with the leave of the court.

Derek French di dalam buku *Applications To Wind Up Companies* (1993) menerangkan skop r 4.16 di atas seperti berikut di ms 104–105:

> By the Insolvency Rules 1986, r 4.16, any person wishing to appear on the hearing of a winding-up petition must send notice to the petitioner or the petitioner's solicitors ...
>
> A notice of appearance must be in Form 49 in the Insolvency Rules 1986 Sch 4, and must state whether the appearance will be to support or oppose the petition (r 4.16(2)(b)) ... The notice must also state the amount and nature of the debt claimed by the person giving the notice (r 4.16(2)(c)) — clearly this applies only if the person is a creditor.

Walaupun k 28 tidak sama dengan r 4.16 Insolvency Rules 1986, peruntukan undang-undang mengenai keperluan memfailkan notis niat untuk hadir adalah tidak berbeza. Penentang tidak dikecualikan. Notis tersebut hendaklah menyatakan sama ada ia bertujuan untuk menyokong atau menentang petisyen. Notis di dalam Borang 8 boleh diubahsuai, seperti yang dibenarkan oleh kk 3(1) dan 28(2), untuk mencerminkan bahawa ia difailkan oleh penentang.

Atas alasan di atas saya membenarkan bantahan awal oleh peguam pempetisyen dan seterusnya membenarkan petisyen pempetisyen untuk menggulungkan syarikat penentang dan Pegawai Penerima dilantik sebagai likuidator sementara dengan kos untuk ditaksir kepada pempetisyen.

Petisyen dibenarkan.

Dilaporkan oleh Sally Kee Seok Meng